

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90**

**Mac/April 1990**

**AMU 402 - Pengurusan Barangan**

**Masa : [3 jam]**

-----  
**ARAHAN**  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab soalan 1 dan 2 (WAJIB) dan pilih DUA soalan lain.

1. Firma anda adalah sebuah firma yang terkemuka bagi produk mesin basoh. Bagaimanakah anda dapat menggunakan faktor-faktor harga dan "perceptual maps" bagi membantu mempertahankan kedudukan jenama anda daripada strategi-strategi perniagaan sebuah firma luar yang agresif.

[25 markah]

2. Konglomerate Antah Holdings baru-baru ini telah menubuhkan sebuah pusat pengajian yang berasaskan sistem sekolah awam British. Di samping itu firma ini adalah juga mempunyai berbagai produk lain di bawah SBU-SBU yang berbeza. Sekiranya anda adalah salah seorang daripada pengarah urusan syarikat, cadangkan pendekatan yang "sesuai" bagi memastikan aliran dana firma dapat diselaraskan dengan syer pasaran dan pertumbuhan setiap SBU firma yang ada. Juga sarankan strategi-strategi yang tepat bagi setiap matriks SBU.

[25 markah]

...2/-

3. Apakah kesan pengurusan yang ketara di antara hubungan faktor-faktor ciri-ciri produk, tanggapan produk dan keutamaan (preferences)? Bagaimanakah kaedah "conjoint analysis" boleh digunakan untuk membekalkan para pengurus dengan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk memilih ciri-ciri produk yang sesuai?

[25 markah]

4. Perancangan produk memerlukan satu sistem penilaian yang terperinci dan rapi. Di peringkat ini, beberapa persoalan kritikal perlu diberikan perhatian memandangkan keadaan perniagaan yang agak tinggi kadar ketidakpastian. Bincangkan kriteria-kriteria dan ujian-ujian peringkat awalan yang perlu dilaksanakan bagi menilai dan menganalisa sesuatu cadangan produk baru?

[25 markah]

5. Di dalam membentuk produk baru kita perlu mengambilkira sains tingkahlaku dan perlakuan pengguna. Bincangkan bagaimanakah kedua-dua faktor boleh diterapkan sebagai asas perancangan produk.

[25 markah]

oooo000oooo